

PERKATAAN BERIMBUHAN (Teks) Latihan 3

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

Azim seorang yatim piatu. Ibu bapanya <u>(1)</u> dalam satu kemalangan jalan raya enam tahun dahulu. Pada masa itu, Azim <u>(2)</u> darjah enam dan berusia 12 tahun. Sejak hari itu dia tinggal bersama Pak Long dan Mak Longnya yang tidak <u>(3)</u> anak mereka sendiri. Azim <u>(4)</u> sebagai anak mereka sendiri. Dia dipelihara dan <u>(5)</u> oleh mereka dengan sempurna dan penuh kasih sayang. Enam tahun telah <u>(6)</u>. Sekarang, Azim seorang <u>(7)</u> di sebuah maktab rendah. Azim tidak mahu <u>(8)</u> Mak Long dan Pak Longnya. Dia telah <u>(9)</u> untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dan tekun. Azim selalu <u>(10)</u> keputusan peperiksaan yang cemerlang. Azim berazam untuk membalas jasa Mak Long dan Pak Longnya yang telah mencurahkan ajaran serta asuhan serta wang ringgit kepadanya.	1 (1) berkorban (2) dikorban (3) mengorban (4) terkorban ()
	2 (1) dituntut (2) menuntut (3) penuntut (4) tuntutan ()
	3 (1) mempunyai (2) dipunyai (3) kepunyaan (4) mempunyai ()
	4 (1) anggapan (2) dianggap (3) menganggap (4) penganggap ()
	5 (1) asuhan (2) diasuh (3) mengasuh (4) pengasuh ()
	6 (1) berlalu (2) dilalui (3) laluan (4) melalui ()
	7 (1) ajaran (2) belajar (3) diajar (4) pelajar ()
	8 (1) dikecewakan (2) kecewakan (3) kekecewaan (4) pengecewa ()
	9 (1) azaman (2) berazam (3) diazamkan (4) keazaman ()
	10 (1) capaian (2) dicapai (3) mencapai (4) tercapai ()